

Kepelbagaian Perisikan Era Nabawi

BITARAVolume 2, Issue 1, 2019: 109-122
© The Author(s) 2019
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[The Diversity of the Intelligence Prophet's Era]

Suhaimi Sidek¹, Ezad Azraai Jamsari¹ & Farid Mat Zain¹

Abstrak

Sistem perisikan ialah elemen kekuatan tempur terpenting sesebuah ketumbukan angkatan tentera. Kemampuan mengakses maklumat musuh dapat memberi kelebihan untuk mencapai objektif dalam peperangan dan mengurangkan risiko kekalahan. Oleh yang demikian, Rasulullah SAW mengambil cakna penyampaian maklumat yang tepat melalui sumber perisikan dan seterusnya membuat analisis sebelum membuat sebarang keputusan. Meskipun Rasulullah SAW berhadapan dengan kaum Quraysh yang mempunyai kelebihan dari aspek kekuatan anggota dan persenjataan, namun Rasulullah SAW berjaya menyaingi mereka dengan kepelbagaian perancangan perisikan yang gagal ditelaah oleh pihak Quraysh. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk meneliti kepelbagaian perisikan Rasulullah SAW dalam usaha mengekang tindakan subversif mushrikin Quraysh. Penulisan ini bersifat kajian kualitatif dengan pengaplikasian reka bentuk kajian sejarah dan analisis kandungan. Kajian ini menggunakan metode dokumentasi sebagai kaedah pengumpulan data dengan memfokuskan pada beberapa sumber primer dan juga sekunder. Manakala bagi kaedah analisis data, kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif menerusi analisis kritikan dalaman dan kritikan luaran. Dapatan kajian ini menghujahkan bahawa Rasulullah SAW berjaya meletakkan penanda aras dalam pembangunan sistem perisikan serta strategi risik balas dalam menggagalkan perbuatan subversif pihak musuh. Di samping itu juga, kajian ini menobatkan Rasulullah SAW sebagai komander perang terunggul dalam mendepani aktiviti perisikan walaupun tanpa latihan ketenteraan secara formal. Sumbangan kajian ini dapat membantu para pengkaji sejarah ketenteraan Islam agar lebih memahami sistem perisikan yang dizahirkan oleh Rasulullah SAW.

Kata Kunci

Espionaj, perang konvensional, taktik perang, operasi perang, pengintipan dan peninjauan

Abstract

The intelligence system is the most essential component of the military. The ability to acquire enemy valuable data can provide an opportunity to achieve battle objectives and lower the risk of defeat. Therefore, Rasulullah SAW (the Messenger of Allah) took the opportunity to provide the correct information through intelligence sources and then evaluate it before coming to any conclusion. While Rasulullah SAW was confronted by the Quraysh, who had the benefit of the power and arms of the people, the Prophet succeeded in dealing with a variety of intelligence plans which the Quraysh had failed to investigate. Hence, the purpose of this research is to examine the various intelligence of the Prophet (SAW) in his efforts to curb the subversive action of the Quraysh mushrikin. It is qualitative research requiring the use of historical study design and content analysis. This research used the documentation approach as a data collection tool by relying on a variety of primary and secondary sources. Whereas for the data analysis process, this research used a concise approach through an analysis of internal and external criticism. The results of this study suggested

¹Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

Ezad Azraai Jamsari, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.
E-mail: ezad@ukm.edu.my

that the Rasulullah SAW has effectively set a precedent in the growth of the intelligence system as well as the counter-intelligence strategy to thwart the enemy's subversive acts. In addition, this study proclaimed the Rasulullah SAW as the supreme war commander in charge of intelligence operations, even without formal military training. The contribution of this study may help Islamic military historians to understand better the intelligence system demonstrated by the Rasulullah SAW.

Keywords

Espionage, conventional warfare, war tactics, war operations, reconnaissance and reconnaissance

Cite This Article:

Suhaimi Sidek, Ezad Azraai Jamsari & Farid Mat Zain. 2019. Kepelbagaian Perisikan Era Nabawi. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(1): 109-122.

Pengenalan

Dalam setiap kempen peperangan, Rasulullah SAW mengaktifkan elemen perisikan sebelum atur gerak ketumbukan angkatan tentera ke medan perang. Pengumpulan maklumat hasil daripada perisikan ini bertujuan menjana pengetahuan mengenai musuh dan persekitaran, maklumat tentang organisasi, sistem persenjataan dan bagi memastikan bantuan sewajarnya terhadap semua elemen, sama ada elemen tempur atau bantuan tempur. Rasulullah SAW amat mengambil perhatian tentang pemberi maklumat dan berita yang diterima kerana kelemahan penyampaian sistem perisikan akan membawa kesan buruk kepada Islam.

Oleh itu, Rasulullah SAW sangat menjaga kerahsiaan dengan menentukan hanya individu yang benar-benar dipercayai sahaja ditugaskan mengalas aktiviti perisikan. Antaranya ialah Sahabat Baginda seperti Abu Bakr al-Siddiq, 'Umar ibn al-Khattab, 'Ali ibn Abi Talib dan Hudhayfah al-Yamani. Bahkan, dalam keadaan tertentu maklumat sulit juga tidak diketahui oleh para Sahabat utama yang lain. Antara elemen yang terdapat dalam sistem perisikan Rasulullah SAW ialah *al-istitla'*, iaitu pembentukan pasukan peninjau bertujuan mengumpul segala data dan maklumat sebelum mengambil tindakan strategik ke atas musuh. Kebijaksanaan Rasulullah SAW dalam seni perang, antaranya ialah mempelbagaikan pendekatan dan kaedah perisikan agar proses maklumat awal dapat diperolehi sebelum musuh mendahului. Justeru, kajian ini memfokuskan aspek kepelbagaian perisikan Rasulullah SAW dalam usaha melestarikan akidah umat Islam serta memelihara kebebasan penyebaran dakwah Islamiyyah dan mengekang aktiviti subversif pihak musuh.

Pernyataan Masalah

Aktiviti perisikan bagi mengumpulkan maklumat yang tepat adalah penting kepada kepimpinan tentera untuk menilai tujuan dan perancangan musuh. Dalam hal ini, Rasulullah SAW menyedari kepentingan membangunkan sistem perisikan untuk mendapatkan gambaran ruang tempur secara menyeluruh, seterusnya menganalisis sesuatu maklumat yang diterima. Hal ini dinukilkan oleh Suwaed dan Kahana (2018: 180-181) sebagaimana berikut:

At Islam's early stage, while still a secret underground movement, Muhammad realized that, without intelligence, the new group would not be able to survive. He trusted only a very small circle of friends who had been clearly instructed to bring every piece of information to him for verification and evaluation before sharing it with anyone. He managed to develop a network of informers, whereby he could cross-check and compare the bits and pieces of information in order to construct a larger picture.

Perkara ini ternyata turut mendapat perhatian Gabriel (2007: xxv) dalam bukunya, *Muhammad Islam's First Great General* yang memerihalkan kecerdasan Rasulullah SAW dalam mengaplikasikan kepelbagaian perisikan seperti berikut:

As the insurgency grew, however, Muhammad's intelligence service became more organized and sophisticated, using agents-in-place, commercial spies, debriefing of prisoners, combat patrols, and reconnaissance in force as methods of intelligence collection.

Justeru, bertitik tolak daripada pernyataan-pernyataan di atas, kajian ini membahaskan kepelbagaian perisikan Rasulullah SAW yang berjaya memusnahkan keupayaan perintah dan kawalan pihak mushrikin Quraysh, dan pada masa yang sama dapat melindungi keupayaan dan kawalan pasukan tentera Islam.

Metode Kajian

Penulisan ini bersifat kajian kualitatif dengan pengaplikasian reka bentuk kajian sejarah dan analisis kandungan. Analisis dilakukan dengan merujuk sumber-sumber berbentuk dokumentasi sebagai kaedah pengumpulan data dengan memfokuskan pada beberapa sumber primer dan juga sekunder. Manakala metode analisis data, kajian ini menggunakan metode deskriptif menerusi analisis kritikan dalaman dan kritikan luaran.

Tinjauan Literatur

Kajian ini dibahagikan kepada dua tema ulasan kepustakaan. Tema pertama kajian ini mengemukakan pengistilahan yang digunakan dalam perisikan Islam, manakala tema kedua pula mengutarakan kepelbagaian perisikan pada era Nabawi. Bagi mengupas isu dalam tema pertama, beberapa sumber yang menjadi rujukan, iaitu hasil karangan Mahfuz (1981) bertajuk, *al-Nazariyyah al-Islamiyyah fi al-Istila' wa al-Amn wa Muqawamat al-Jasusiyyah* yang membahaskan istilah dalam elemen perisikan yang digunakan oleh Rasulullah SAW mengikut situasi dan keperluan operasi yang dilaksanakan sama ada ketika berhadapan dengan kaum mushrikin Quraysh, Yahudi, Munafik dan kabilah Arab lain. Bagi memudahkan pemahaman tentang istilah dan contoh perisikan pada era Nabawi, beliau mengambil teori dan terminologi ketenteraan masa kini untuk disesuaikan dengan peristiwa pada era Nabawi.

Sebuah buku karangan Khattab (1960) bertajuk, *al-Rasul al-Qa'id* memfokuskan kehidupan Rasulullah SAW dalam aspek ketenteraan. Buku ini membahaskan empat isu utama, iaitu peringkat mobilisasi dakwah ketika di Madinah, gerakan mempertahankan akidah, peringkat serangan dan kejayaan dakwah Rasulullah SAW serta penyebaran Islam keluar dari Semenanjung Tanah Arab. Walau bagaimanapun, kajian beliau mengenai aspek perisikan Rasulullah SAW dapat dirumuskan berdasarkan peristiwa yang berlaku pada setiap bab yang dibahaskan. Ini kerana setiap kejadian atau peperangan, beliau mendatangkan pengajaran dan *'ibrah* menurut prinsip-prinsip peperangan. Sumber seterusnya ialah daripada tesis Sarjana yang ditulis oleh al-Muhammad (1986) bertajuk, *al-Istikhbarat al-'askariyyah fi al-Islam* yang membantu kajian ini dalam memahami elemen yang terdapat dalam sistem perisikan. Pembahasan menyeluruh tentang perisikan bermula awal sebelum Masihi sebelum kedatangan Islam di dunia Arab, metode perisikan era Nabawi dan kerajaan Islam serta sistem perisikan yang diamalkan oleh negara moden pada hari ini. Kajian menyeluruh berkenaan perisikan pada era tersebut membantu kajian ini dalam membuat rumusan mengenai manhaj perisikan yang diimplimentasikan oleh Rasulullah SAW.

Beberapa sumber ketenteraan masa kini yang merupakan doktrin atau panduan utama warga Tentera Darat Malaysia diperoleh melalui Doktrin Tentera Darat Malaysia (2010) dan *Doctrine Operations* (2005). Doktrin Tentera Darat Malaysia (2010) mempunyai enam bab meliputi latar belakang dan konflik perang, pelaksanaan tugas dan bagaimana melakukan sesuatu tugas. Elemen perisikan dalam manual ini berhubung dengan perincian setiap bab yang dibincangkan. Namun, pentakrifan dan perbahasan sistem perisikan tidak dibahaskan secara menyeluruh kerana topik ini diletakkan di bawah topik kecil kekuatan tempur yang digarap secara terperinci dalam *Doctrine Operations* (2005).

Bagi tema kedua, kajian ini meneliti kepelbagaian elemen perisikan yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW berserta contoh dalam *sirah* peperangan Baginda. Sumber utama diamdil daripada kitab *sirah* dan hadis *al-maghazi* seperti al-Waqidi (1966), Ibn Hisham (1990), Ibn Khatir (2003,2015) Ibn Ishaq (2004) al-Tabari (1969) dan beberapa ilmuwan lain yang mendepani konsep pembangunan doktrin ketenteraan bersumberkan al-Qur'an dan hadis-hadis perang. Namun, penulisan sarjana ini hanya terarah kepada peristiwa berdasarkan urutan sejarah berpandukan sebab penurunan ayat al-Qur'an dan juga Hadis. Faraj (1979: 602-603) menyatakan para sejarawan sejarah peperangan Rasulullah SAW sekadar menceritakan naratif sejarah perang tanpa melihat ia sebagai seni ilmu perang atau ilmu sains ketenteraan.

Justeru, sinergi antara sumber primer dan sekunder seperti Mahfuz (1981; 1994), Khattab (1960; 1965; 1975), al-Mubarakfuri (1976), Rahman (1990), Faraj (1979), Abu Faris (1993) dan al-Buttush (2014) telah diulas sebaiknya berdasarkan prinsip peperangan moden sebagai perbandingan dengan prinsip peperangan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW, berdalilkan al-Qur'an dan Hadis. Kupasan di atas turut disokong oleh penulis Barat seperti Gabriel (2007) yang membuat penelitian terhadap strategi Rasulullah SAW dalam usaha mencapai kemenangan dalam peperangan dan menggagalkan misi pihak musuh. Beliau mendapati sistem perisikan yang dibangunkan oleh Rasulullah SAW sangat efektif hingga beliau membuat perbandingan kehebatan Rasulullah SAW dengan pakar dan ahli perang seperti Clausewitz dan juga Sun Tzu.

Istilah Perisikan dalam Ketenteraan Islam

Al-Istikhbarat (perisikan), *al-istitla'* (peninjauan), *al-tajassus* (pengintipan) dan *al-kitman* (kerahsiaan) ialah antara istilah yang menunjukkan aktiviti-aktiviti perisikan. Operasi perisikan, intipan, kerahsiaan dan peninjauan saling berkaitan antara satu sama lain. Ia merujuk kepada aktiviti-aktiviti perisikan untuk memperoleh maklumat, menganalisis membuat kajian dan penilaian ancaman daripada pihak musuh.

***al-Istikhbarat* (Perisikan)**

Al-Istikhbarat diambil daripada perkataan *khbarah* yang ditakrifkan menurut ahli bahasa sebagai pertanyaan tentang sesuatu berita (Ibn Manzur 2010, 4:227). Dari segi istilah ketenteraan, sebagaimana dinukilkan oleh Abu Faris (1993: 69) dan *DOD Dictionary of Military and Associated Terms* (2018: 111), ia memberi maksud pemprosesan maklumat berkaitan musuh pada waktu aman atau perang, dan seterusnya membuat analisis serta menafsirkan, meramal dan menentukan tindakan yang akan diambil. Istilah *al-istikhbarat* juga boleh diertikan sebagai *information* (maklumat), iaitu kumpulan pengetahuan dan maklumat yang menyumbang kepada proses membuat keputusan seseorang pemerintah (al-Muhammad 1986: 71). Namun, terdapat perbezaan antara perisikan dan maklumat. Ini kerana maklumat merupakan data mentah yang belum diproses dan kemudiannya dianalisis untuk ditafsirkan sebelum diambil tindakan oleh pemerintah (*Doctrine Operations, Chapter 2* 2005: 22). Justeru, satu-satu maklumat yang diperoleh perlu melalui beberapa peringkat sebelum menjadi hasil risikan, iaitu pengumpulan data dan maklumat, pemprosesan, membuat analisis maklumat yang diterima, membuat interpretasi atau tafsiran serta menyebarkan kepada pihak tertentu.

***al-Istitla'* (Peninjauan)**

Al-Istitla' adalah kalimah bahasa Arab daripada awalan kata *tala'a* yang membawa beberapa pengertian, antaranya timbul atau muncul. *Al-Istitla'* juga boleh difahami sebagai meminta penjelasan ataupun mengkaji sesuatu perkara (*al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi* 1988: 796). Menurut pengertian ketenteraan, kalimah ini ditakrifkan sebagai misi yang dilakukan untuk mendapatkan maklumat secara visual tentang aktiviti dan rahsia musuh serta perolehan maklumat data, hidrografi atau ciri geografi sesuatu kawasan tertentu (*Doctrine Operations, Chapter 2* 2005: 19). Peninjauan juga memerlukan anggota tinggal diam bersama musuh dan bersemuka dengan musuh tanpa menimbulkan syak dalam kalangan mereka (Abu Faris 1986: 25).

Kajian mendapati *al-istitla'* ialah trup yang dibentuk daripada beberapa orang anggota yang dikenali sebagai *sariyyah*. *Sariyyah* ialah aktiviti peninjauan yang diketuai oleh para Sahabat Rasulullah SAW tanpa kehadiran Baginda. Menurut Rahman (1990: 108-109), pasukan peninjau ini terdiri daripada 15 hingga 30 orang. Ia bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai aktiviti musuh, kekuatan, mengkaji aspek geografi, sumber makanan dan sikap penduduk setempat terhadap Islam. Modus operandi pasukan ini hanya semata-mata untuk mengumpulkan maklumat dan dilarang menggunakan kekerasan melainkan jika

terpaksa. Sementara itu, sekiranya terdapat keperluan untuk melakukan serangan, fungsinya berubah menjadi pasukan tempur dengan kekuatan anggotanya akan melebihi 50 orang (Khattab 1960: 53; Rahman 1990: 111).

***al-Kitman* (Kerahsiaan)**

Manakala *al-kitman* diambil daripada perkataan *katama*. Menurut Ibn Manzur (2010, 12:505), ia membawa erti menutup perkhabaran, iaitu menyembunyikan sesuatu atau menyembunyikan berita. Namun, *al-kitman* dalam istilah ketenteraan sebagaimana dinukilkan oleh Khattab (1975: 11) ialah operasi khas di luar pengetahuan dan lingkungan semasa dengan merahsiakan maklumat atau bentuk informasi mengenai data, persenjataan, struktur organisasi, *maneuver*, keupayaan logistik, keanggotaan, keadaan muka bumi dan sebagainya, sama ada maklumat tersebut kecil mahupun besar. Rasulullah SAW membina personaliti para Sahabat yang kuat berpegang pada rahsia dan tidak sekali kali membocorkan rahsia atau melakukan tindakan berlawanan dengan arahan Baginda. Antaranya ialah Hudhayfah al-Yamani, seorang perisik Rasulullah SAW yang diberi kepercayaan memegang rahsia besar. Ini sebagaimana catatan oleh al-Dhahabi (1982, 2:364), Hudhayfah al-Yamani merupakan seorang Sahabat yang amat dipercayai untuk memegang rahsia kerajaan. Fakta ini turut disokong oleh Khattab (1965: 111; 1975: 43-44) bahawa kepercayaan Rasulullah SAW terhadap beliau dalam menjaga kerahsiaan cukup tinggi sehingga senarai nama orang munafik dan individu yang amat berbahaya terhadap kerajaan Madinah dipegang oleh beliau, malah dalam kalangan Sahabat utama sendiri pun tidak mengetahui nama-nama mereka yang mengancam keselamatan pemerintahan.

***al-Tajassus* (Pengintipan)**

Al-Tajassus daripada perkataan *tajassasa* membawa pengertian daripada segi bahasa ialah menyelidiki sesuatu berita atau mengintip (Ibn Manzur 2010, 3:249). Adapun *al-jasus* daripada kalimah *al-tajassus* yang membawa maksud mata-mata atau pengintip (al-Daghmi 1985: 28). Beberapa penulis seperti Mahfuz (1991: 50) memerihalkan pengintipan ialah aktiviti yang dilakukan oleh anggota perisik untuk memproses maklumat tentang negara asing yang bukan sahaja mengenai aktiviti ketenteraan, bahkan kekuatan ekonomi sesebuah negara dan juga kualiti modal insan. Pun begitu, pengintipan juga dimaksudkan dengan apa sahaja aktiviti untuk mendapatkan maklumat yang melibatkan pihak musuh serta mengambil manfaat daripada maklumat untuk menyusun perancangan dan strategi (Muhammad 2011: 11; al-Qahtani 2015: 1432). Sumber penting yang menjadi mata-mata di kota Makkah ialah bapa saudara Nabi sendiri, 'Abbas ibn 'Abd al-Muttalib. Beliau mempunyai kedudukan yang amat penting dalam masyarakat Quraysh di Makkah yang menyembunyikan keIslamannya sehingga dizahirkan semasa hari pembukaan kota Makkah pada tahun 630M. Beliau memeluk Islam sebelum tercetusnya perang Badar *al-Kubra*. Sebagai seorang yang berberpengaruh, beliau boleh mendapatkan setiap maklumat penting berkenaan hal-ehwal politik dan aktiviti ekonomi penduduk kota Makkah dalam kalangan mushrikin Quraysh (Hamid Allah 1987: 70-71).

Kepelbagaian Amalan dan Pelaksanaan Perisikan Era Nabawi

Kepelbagaian Rasulullah SAW dalam mempraktikkan perisikan membuktikan kehebatan Baginda dalam ilmu peperangan. Meskipun tidak mempunyai asas latihan perang yang formal seperti panglima perang lain, namun strategi, taktik dan teknik perang yang diamalkan oleh Baginda diperakui oleh sejarawan dan pengkaji Barat. Antaranya ialah Gabriel (2007: xix) yang menggambarkan Rasulullah SAW sebagai seorang panglima tentera yang dinamik walaupun tanpa mengikuti latihan ketenteraan sebagaimana tokoh panglima tentera yang lain. Namun, Rasulullah SAW berjaya menempatkan diri sebagai seorang komander yang cemerlang, pakar dalam taktik bahkan bijak dalam percaturan politik dan strategi ketenteraan. Justeru, kepelbagaian perisikan Rasulullah SAW dalam merencana dan merancang serta menggerakkan sumber *human intelligence* (HUMINT, perisikan manusia) telah memberi kejayaan kepada pasukan yang dipimpin oleh Baginda dan juga kepada kumpulan peninjau yang diutuskan untuk mendapat maklumat yang berkaitan.

Perdayaan

Perdayaan ialah unsur dalam perisikan bagi menghadapi pengintipan musuh. Seorang komander menggunakan perdayaan untuk mencapai satu-satu tujuan. Dalam konteks peperangan, perdayaan atau tipu muslihat adalah diharuskan sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari (2000: 257, *Kitab al-Jihad, Bab al-Harb Khid'ah*, no. Hadith 3029) bahawa Rasulullah SAW bersabda: *عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: سَمَّى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْحَرْبَ خُدْعَةً*.

Sabdaan Rasulullah SAW tersebut berlaku ketika perang Ahzab pada saat tentera Muslimin berhadapan dengan gabungan mushrikin Quraysh, Yahudi Banu Qurayzah dan Banu Ghatfan. Laporan Ibn Hisham (1990: 170-181) dan al-Mubarakfuri (1976: 285-286) mencatatkan Nu'aym ibn Mas'ud menyatakan pengIslamannya di hadapan Rasulullah SAW, lalu menawarkan bantuan untuk mengucar-ngacirkan perpaduan pasukan Ahzab. Lalu Rasulullah SAW menegaskan perdayaan ialah sebahagian daripada strategi perang. Lantaran itu, Nu'aym ibn Mas'ud melakukan propaganda dan memperdayakan tentera Ahzab sehingga mereka saling curigai antara satu sama lain. Pergolakan yang berlaku dalam gabungan tersebut, berjaya menimbulkan ketakutan dalam kalangan mereka kerana wujud prasangka bahawa pasukan gabungan tidak dapat mengalahkan tentera Muslimin.

Begitu juga peristiwa yang berlaku sebelum perang Banu Mustaliq. Setelah perkhabaran sampai kepada Rasulullah SAW mengenai pemimpin Banu Mustaliq bernama al-Harith ibn Abi Dirar yang mengumpulkan sekutu dalam kalangan suku Quraysh untuk menyerang Rasulullah SAW, lantas Baginda menghantar perisik yang bernama Burayidah ibn al-Hasib al-Aslami untuk mengesahkan berita tersebut. Sebagaimana diperihalkan oleh al-Waqidi (1966, 2:405-406) dan Faraj (1979: 69-70), pengutusan Burayidah dibuat kerana kemahiran beliau mengenai muslihat perang dalam usaha untuk mendapatkan maklumat berkaitan keabsahan perancangan Banu Mustaliq untuk menyerang orang Islam. Tatkala Burayidah berada dalam kumpulan tersebut, seorang daripada ahli kumpulan bertanya tentang tujuan beliau berperang. Namun, jawapan yang diberikan oleh Burayidah ialah tujuannya sama seperti mereka inginkan, iaitu menyerang Rasulullah SAW dan menghapuskan pengikutnya.

Sebaliknya, beliau kembali kepada Rasulullah SAW dan menjelaskan perancangan pihak musuh tersebut.

Pendekatan *Tawriyah*

Memandangkan peperangan ialah perdayaan dan tipu muslihat, elemen perisikan yang anjal dan dinamik dan dipraktikkan oleh Rasulullah SAW ialah melalui pendekatan *tawriyah*, iaitu menyembunyikan hakikat sebenar yang tersembunyi di dalam hati untuk menimbulkan kesamaran dan tanda tanya sehingga pihak musuh sentiasa kelam kabut dan resah dengan motif sebenar Baginda. Sekiranya motif dan tujuan sebenar diketahui musuh, sudah tentu pihak mushrikin Quraysh akan membuat persediaan awal dengan mengumpulkan sekutu dan mempersiapkan peralatan senjata untuk menentang tentera Islam (al-Buttush 2014: 458-459).

Berdasarkan pernyataan Abu Faris (1993: 160-161), penggunaan *tawriyah* mempunyai dua ciri yang unik. Pertama, *tawriyah* pada perkataan dan yang kedua ialah gerakan taktikal. *Tawriyah* pada perkataan ialah mengucapkan sesuatu tetapi mempunyai dua pengertian, difahami oleh pendengar tetapi maksudnya yang sebenar bukan sebagaimana yang diucapkan oleh pengucap. Misalnya, peristiwa sebelum berlaku perang Badar, Rasulullah SAW menanyakan persoalan kepada seorang tua untuk mendapat maklumat tentang mushrikin Quraysh. Hal ini sebagaimana yang diperihalkan oleh al-Tabari (1969, 2:436), menjelang perang Badar *al-Kubra*, Rasulullah SAW dan para Sahabat telah mendirikan khemah berhampiran medan Badar. Rasulullah SAW dan Abu Bakr keluar untuk membuat risikan mencari maklumat tentang pasukan mushrikin Quraysh. Mereka berdua terserempak dengan seorang tua dari kabilah Arab dan berpura-pura bertanya mengenai pasukan Muhammad dan pasukan Quraysh. Namun orang tua tersebut enggan memberi maklumat sehingga dinyatakan siapa diri yang bertanya. Setelah berlaku dialog di antara mereka, Rasulullah SAW berjaya mendapat maklumat bahawa pihak mushrikin Quraysh telah pun menempati kawasan medan Badar. Suatu yang menarik, jawapan yang diberikan oleh Rasulullah SAW ialah jawapan yang bersahaja, iaitu dengan ungkapan نحن من ماء. Ini membuatkan orang tua itu terpinga-pinga, adakah maksud ماء memberi pengertian daerah yang berada di Iraq atau terdapat maksud yang lain (Khattab 1960: 72; Mahfuz 1981: 36-37; Hajdin & Yusof 2018: 304).

Pemahaman kedua teknik *tawriyah* yang digunakan oleh Rasulullah SAW ialah strategi atur gerak ke medan tempur atau apa-apa pergerakan taktikal yang tidak dapat difahami oleh pihak musuh sehingga mengeliru dan memperdayakan serta melambatkan tahap kesiagaan musuh untuk berhadapan dengan lawan. Antaranya ialah seperti peristiwa peperangan Uhud pada tahun ke-3H sebagaimana dinukilkan oleh Ibn Kathir (1976, 2:28-29) serta Darwish dan Baydis (2014: 737), mereka memerihalkan kelicikan Rasulullah SAW merancang atur gerak pasukan Baginda menuju medan Uhud. Strategi yang digunakan oleh Baginda ialah dengan mengubah pergerakan melalui jalan pintas menghala ke kawasan ladang Banu Harithah dan secara rahsia tiba di hujung bukit Uhud membelakangi mushrikin Quraysh. Hal ini amat memeranjatkan mushrikin Quraysh memandangkan pasukan Rasulullah SAW telah membelakangi mereka dengan kedudukan pertahanan yang kuat. Melihat kesesuaian antara kedudukan pasukan Sahabat dan musuh, Rasulullah SAW telah mengatur posisi pasukan Baginda untuk berperang. Satu pasukan terdiri daripada 50 orang pemanah ditempatkan di bukit al-Rumat untuk mempertahankan laluan tersebut daripada serangan arah belakang.

Tindakan *manuver* yang dilakukan oleh Rasulullah SAW sehingga tidak dapat dibaca oleh pihak musuh mengakibatkan kekalahan mushrikin Quraysh sebelum pasukan pemanah tentera Islam meninggalkan posisi di bukit al-Rumat untuk merebut harta rampasan.

Begitu juga peristiwa yang berlaku sebelum pembukaan kota Makkah sebagaimana garapan al-Sallabi (1993: 69) bahawa Rasulullah SAW telah menghantar pasukan yang terdiri daripada lapan anggota, diketuai oleh Qatadah ibn Rabi'. Mereka bergerak menuju ke Batni 'Izam dengan tujuan membuat propaganda supaya orang ramai menyangka Rasulullah SAW yang melakukan pergerakan tersebut. Setelah tersebar kejadian itu, pihak Quraysh terus bergerak ke sana, namun malangnya mereka tidak menemui pasukan besar di kawasan tersebut. Lantaran itu, mereka mengambil keputusan untuk berundur sehingga sampai ke kawasan Dhu Khussub. Kemudiannya, maklumat sampai kepada mereka bahawa Rasulullah SAW telah bergerak ke Makkah, lantas mereka berkegas melalui Babayn dan bertemu dengan Rasulullah SAW di al-Suqya. Kaedah *tawriyah* yang diimplimentasikan oleh Rasulullah SAW berjaya mengaburi pihak musuh sehingga musuh menjadi tidak keruan dengan tindakan tersebut.

Kepantasan Atur Gerak

Kepantasan atur gerak dan mobiliti ke medan pertempuran menjadi efektif sekiranya mempunyai sistem perisikan yang berkesan serta analisis yang tepat. Seorang komander perang yang mahir perlu bertindak pantas untuk mendahului pihak musuh. Hal ini amat bertepatan dan selari dengan teori Sun Tzu (2011: 55) yang mengungkapkan: "*Thus, what enables the wise sovereign and the good general to strike and conquer, and achieve things beyond the reach of ordinary men, is foreknowledge*".

Dalam Perang Uhud, 'Abbas ibn 'Abd al-Muttalib bertanggungjawab menyalurkan maklumat mengenai perancangan pasukan mushrikin Quraysh di kota Makkah. Ketika mushrikin Quraysh semakin hampir menyerang Rasulullah SAW, beliau dengan pantas mengutus surat memaklumkan perancangan mushrikin Quraysh menerusi kiriman surat rahsia melalui seorang utusan (al-Mubarakfuri 1976: 225-226). Dengan kepantasan bergerak, beliau hanya mengambil masa selama tiga hari sahaja untuk sampai ke Madinah, meskipun jarak di antara kedua-dua kota tersebut sejauh 500 kilometer. Rasulullah SAW menerima surat tersebut ketika berada di masjid Quba', lalu Rasulullah SAW meminta Ubay ibn Ka'b untuk membacakan isi surat dan meminta beliau supaya merahsiakan maklumat tersebut daripada diketahui oleh sesiapaupun. Tanpa berlengah, Baginda memanggil satu mesyuarat khas yang dihadiri oleh pemimpin Muhajirin dan Ansar untuk mengambil tindakan sewajarnya.

Sementara itu, perang Ahzab berlaku akibat hasutan Yahudi Banu Nadir terhadap mushrikin Quraysh supaya menyerang Madinah. Selain puak Yahudi, kabilah-kabilah Badwi seperti Banu Ghatfan, Banu Shujah, Banu Asad dan Banu Sulaym juga turut bergabung dalam ketumbukan pasukan Ahzab. Namun, Banu Khuza'ah tidak turut serta dalam pakatan tersebut kerana berpegang teguh pada janji dengan Rasulullah SAW. Berita mengenai persiapan perang pasukan Ahzab telah sampai kepada Rasulullah SAW melalui kafilah dagang dari Banu Khuza'ah dan jangkakan musuh akan sampai ke kota Madinah sekitar tiga hari setelah mengambil kira perjalanan Bani Khuza'ah yang memakan masa empat hari. Perkhabaran

tersebut membantu Rasulullah SAW untuk membuat persiapan dan atur gerak bagi menghadapi serangan tentera Ahzab (al-Halbi 1932, 3:63).

Maklumat pantas yang sampai kepada Rasulullah SAW tersebut memberi peluang kepada Baginda untuk bertindak balas segera bagi mengatur strategi selanjutnya. Antaranya ialah satu peristiwa sebagaimana dicatatkan oleh al-Tabari (1969, 3:48-49) dan Numan (2012: 57) bahawa ketika Rasulullah SAW dan para Sahabat bersiap sedia menjelang pembukaan kota Makkah, Baginda bertindak pantas menggagalkan perancangan Hatib ibn Abi Bata'ah yang membocorkan maklumat pergerakan Rasulullah SAW untuk menyerang kaum mushrikin Quraysh. Cubaan Hatib mengutus surat rahsia yang dibuat melalui seorang wanita dengan menyembunyikan surat tersebut di dalam sanggul rambutnya. Namun, Baginda menyedari pengkhianatan yang berlaku, lalu 'Ali ibn Abi Talib dan al-Zubayr ibn al-'Awwam diutus untuk menghalangi wanita itu sebelum surat tersebut jatuh ke tangan mushrikin Quraysh. Dengan kepantasan bergerak, mereka berjaya menawan dan mendapatkan semula surat tersebut lalu diserahkan kepada Rasulullah SAW.

Pengenalan Kod Rahsia dan Pembangunan Profesionalisme

Ketika melakukan rondaan dan tinjauan untuk mengutip maklumat berkaitan apa jua aktiviti musuh, persekitaran dan sebagainya, kepelbagaian kaedah digunakan bagi mencapai tujuan tersebut. Ini termasuk penggunaan bahasa dan pengenalan isyarat tertentu bagi membantu membuat peninjauan atau pengawasan. Penggunaan *al-shifrah* (kod rahsia) turut diperkenalkan Rasulullah SAW dalam misi rondaan dan tinjauan. Kod-kod tersebut sama ada berbentuk lisan atau bertulis, menggunakan simbol yang hanya boleh difahami oleh pengutus dan penerima utusan sahaja. Kebiasaannya, kod dan simbol ini berubah selang beberapa lama untuk mengelakkan kod itu dirungkaikan.

Dalam peristiwa perang Ahzab, golongan Yahudi Banu Qurayzah telah melanggar perjanjian untuk tidak membantu pihak Mushrikin, namun sebaliknya berlaku sebagaimana diperihalkan al-Mubarakfuri (1976: 454) yang menukikan pengkhianatan mereka ialah dengan membantu pihak kafir Quraysh menyalurkan perbekalan makanan kepada mereka. Situasi ini memberi impak terhadap keselamatan kaum wanita dan anak-anak yang menetap di kota Madinah tanpa terdapat perlindungan sewajarnya. Pengkhianatan ini sampai kepada Rasulullah SAW dan untuk mendapatkan pengesahan tindakan mereka, Rasulullah SAW menghantar Sa'd ibn Mua'dh, Sa'd ibn 'Ubadah, 'Abd Allah ibn Rawahah dan Khawwat ibn Jubayr. Sebelum mereka berangkat, Rasulullah SAW sempat berpesan sebagaimana dilaporkan oleh Ibn Kathir (2015, 4:296) dan Ibn Ishaq (2004, 2:398) seperti berikut:

قال ابن اسحاق: فلما انتهى الخبر الى رسول الله صلى الله عليه وسلم والى المسلمين بعث سعد بن معاذ وهو يومئذ سيد الأوس وسعد بن عباد وهو يومئذ سيد الخزرج ومعها عبدالله بن رواحة وخوات بن جبير فقال: انطلقوا حتى تأوا هؤلاء القوم فتنظروا أحق ما بلغنا عنهم فان كان حقا فالحنوا لي لحننا أعرفه ولا تفتوا في أعضاد المسلمين وان كانوا على الوفاء فاجهروا به للناس. قال: فخرجوا حتى أتوهم.

Kajian ini mendapati istilah *لحن* yang diungkapkan, merupakan kod rahsia yang hanya dikenali oleh pemunya kod dan penerimanya serta tersembunyi maksud selain mereka. Penggunaan simbol tersebut oleh Rasulullah SAW menurut Mahfuz (1981: 89-90) digunakan

agar pengkhianatan Banu Qurayzah yang mengancam keselamatan kaum wanita dan kanak-kanak di Madinah tidak diketahui oleh tentera Islam, di saat berhadapan dengan pasukan Ahzab yang besar jumlahnya. Sekiranya rahsia tersebar, dibimbangi akan melemahkan semangat juang kaum Muslimin.

Kod rahsia yang digunakan dalam setiap peperangan adalah untuk mengelakkan pertembungan sesama sendiri ketika peperangan berkecamuk. Begitu juga untuk mengenali pasukan sahabat yang terdiri daripada pelbagai kaum dan kabilah, Rasulullah SAW menetapkan kod rahsia bagi setiap kumpulan agar pengenalan tersebut menjadi identiti setiap kabilah masing-masing. Rahman (1990: 240) menyatakan Rasulullah SAW menetapkan nama-nama rahsia bagi meraikan persahabatan antara mereka, khususnya ketika berlaku peperangan. Pengenalan untuk kaum Muhajirin menggunakan kod *Ya Bani 'Abd al-Rahman*, manakala untuk kaum al-Khazraj memakai kata *Ya Bani 'Abd Allah*, sedangkan panggilan untuk kaum Aws ialah *Ya Bani 'Ubayd Allah*. Al-Waqidi (1966, 2:407) melaporkan dalam peperangan Banu Mustaliq, Rasulullah SAW menggunakan kod rahsia dengan panggilan *Ya Mansur Amit Amit*.

Penggunaan kod-kod ini hanya diketahui oleh sesama ahli kumpulan, walaupun mereka tidak mengenali antara satu sama lain. Justeru, kod rahsia ini sentiasa diubah untuk mengelak daripada diketahui oleh pihak musuh. Rasulullah SAW memberi panduan kepada para Sahabat dan generasi seterusnya berkenaan kepentingan penggunaan kod rahsia ini untuk menyelamatkan jiwa daripada musuh yang menyamar sebagai pasukan sahabat. Baginda memberi kod tertentu apabila serangan oada waktu malam, iaitu kod *hamim la yunsarun* sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhi (1996, Kitab al-Jihad, Bab Ma Ja'a fi al-Shi'ar, no. 1682), Rasulullah SAW bersabda:

حدثنا محمود بن غيلان قال: حدثنا وكيع: قال: حدثنا سفيان عن ابي اسحاق عن المهلب بن أبي صفرة عن
سمع النبي صلى الله عليه وسلم يقول: ان بينكم العدو فقولوا: حم لا ينصرون.

Rasulullah SAW juga sangat mengambil berat mengenai tahap profesionalisme pegawai dan anggota risikannya dengan membangunkan individu yang mempunyai kemahiran dan ketukangan masing-masing. Justeru, bagi memantapkan institusi perisikan ini, Rasulullah SAW mengambil cakna keperluan anggotanya yang mampu menguasai bahasa asing. Berdasarkan pernyataan al-Buti (1971: 375), seramai enam orang Sahabat telah dihantar oleh Rasulullah SAW untuk mempelajari bahasa asing. Berdasarkan laporan Mahfuz (1981: 87) pula, antara mereka ialah seperti Zayd ibn Thabit yang diberi latihan untuk mempelajari bahasa Yahudi. Ini bersumberkan hadis daripada Zayd ibn Thabit yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhi (1996, Kitab al-Isti'dhan wa al-Adab, Bab Ma Ja'a fi Ta'lim al-Suryaniyyati, no. 2715) bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عن زيد بن ثابت رضى الله عنه قال: أمرني رسول الله أن أتعلم له كلمات من كتاب يهود من كتاب يهود قال:
اني والله ما آمن يهود على كتابي قال: فما مر بي نصف شهر حتى تعلمته له قال: فلما تعلمته كان انا كتب الى
يهود كتبت اليهم و اذا كتبوا اليه قرأت له كتابهم.

Soal Siasat Tawanan

Bagi mendapatkan sumber maklumat, Rasulullah SAW juga menggunakan kaedah pemerolehan maklumat melalui musuh yang ditawan dengan cara soal siasat tawanan atau soal jawab tawanan perang. Peristiwa tersebut berlaku sebelum perang Badar *al-Kubra* sebagaimana diperihalkan oleh Ibn Hisham (1990, 3:259-260), al-Muhammad (1986: 269) dan al-Ghazali (1965: 236-237) bahawa Rasulullah SAW telah mengutus 'Ali ibn Abi Talib, al-Zubayr ibn al-'Awwam dan Sa'd ibn Abi Waqqas untuk mencari sumber air. Mereka terserempak dengan dua orang budak yang juga mengambil air lalu ditawan dan dibawa ke hadapan Rasulullah SAW. Pada masa itu, Baginda sedang mengerjakan solat dan dalam senggang masa tersebut, tawanan tersebut disoal siasat latar belakangnya dengan harapan memperoleh pengakuan bahawa mereka mengambil air untuk dibekalkan kepada Abu Sufyan.

Pada awalnya, tiada pengakuan daripada mereka, namun setelah didesak dan dipukul, kedua-duanya mengaku bahawa tugas tersebut dilakukan untuk Abu Sufyan. Setelah itu, Rasulullah SAW bersoal jawab dengan tawanan tersebut untuk mengetahui kekuatan tentera mushrikin Quraysh. Namun, keduanya tidak mengetahui jumlah sebenar bilangan anggota yang dipimpin oleh Abu Sufyan. Walau bagaimanapun, dengan kebijaksanaan Rasulullah SAW, persoalan tersebut dapat dirungkai melalui jumlah haiwan sembelihan yang disembelih setiap hari. Ternyata, tidak kurang sembilan hingga sepuluh ekor unta disembelih yang dapat menggambarkan bahawa jumlah tentera mushrikin Quraysh ialah sekitar antara 900 hingga 1000 orang.

Kesimpulan

Berdasarkan huraian dan kupasan di atas, kajian ini menyimpulkan bahawa kepelbagaian perisikan Rasulullah SAW dalam membangunkan keupayaan tempur ialah faktor penting dalam menentukan kejayaan setiap misi atau kempen peperangan yang dilalui oleh tentera Islam. Rasulullah SAW berjaya mengadaptasi kepelbagaian elemen perisikan sehingga setiap serangan yang dilancarkan berada di luar jangkauan pihak musuh. Ini kerana serangan mengejut ke atas pihak musuh dapat meminimumkan kemusnahan dan kematian pasukan sendiri serta memaksimumkan faktor mencapai kemenangan. Rasulullah SAW turut memberi penekanan terhadap kerahsiaan maklumat sehingga Baginda menegaskan individu yang membocorkan rahsia adalah pengkhianat dan dilabelkan sebagai munafik. Rasulullah SAW mendidik para Sahabat dengan tidak membicarakan sesuatu yang tiada manfaat, bahkan dalam keadaan tertentu, diam adalah lebih baik daripada berbicara. Oleh yang demikian, menerusi *sirah* peperangan Rasulullah SAW, kebocoran maklumat kepada musuh tidak berlaku, melainkan seorang ahli Badar yang bernama Hatib ibn Abi Bata'ah yang bertindak demikian kerana merasa bimbang keselamatan kaum keluarganya di Makkah. Namun, perancangan beliau gagal kerana maklumat awal pengkhianatan beliau dapat dikesan terlebih dahulu.

Bagi menentukan kemenangan di medan pertempuran serta meminimumkan kematian, Rasulullah SAW memaksimumkan kepelbagaian aktiviti perisikan dan menggunakan risik balas untuk menghalang pengintipan, aktiviti perisikan lain dan juga sabotaj pihak musuh. Adapun kegawatan tentera Islam dalam perang Hunayn pada tahun 8H/630M pada peringkat

awalnya ialah hasil perisikan musuh yang mendapat maklumat awal pergerakan tentera Islam. Bahkan, pihak musuh terlebih dahulu mengetahui kekuatan dan markas taktikal yang diduduki tentera Islam, iaitu dengan menguasai lembah Hunayn sebelum tentera Islam menempati kawasan tersebut. Sedangkan perisikan tentera Islam tidak memperoleh maklumat mengenai keberadaan pihak musuh sehingga serangan mengejut diarahkan ke atas mereka. Dengan demikian, pengajaran daripada peristiwa tersebut menunjukkan kepentingan perisikan dalam menjana keupayaan tempur sesebuah angkatan tentera. Dan, Rasulullah SAW menunjukkan contoh serta pengajaran terbaik melalui kepemimpinan Baginda sebagai komander perang. Sungguhpun limitasi keanggotaan dan persenjataan, namun Baginda merancang untuk mengatasi kegagalan.

Rujukan

- Abu Faris, Muhammad ‘Abd al-Qadir. 1993. *al-Madrasah al-Nabawiyah al-‘Askariyyah*. ‘Amman: Dar al-Furqan.
- al-Buti, Muhammad Sa‘id Ramadan. 1991. *Fiqh Sirah al-Nabawiyah ma‘a Mawjiz al-Tarikh al-Khilafah al-Rashidah*. Bayrut: Dar al-Fikr al-Mu‘asir.
- al-Bukhari, Muhammad ibn Isma‘il. 2000. *al-Jami‘ al-Sahih al-Musnad min Sunan Rasul Allah wa Sunnatihima Ayyamihi*. Tahqiq. al-Nasir, Muhammad ibn Nasir. Jil. 4 & 5. t.tp.: Dar Tawq al-Najah.
- al-Buttush, Yahya Bashir Hamid. 2014. *Perancangan Ketenteraan dalam al-Sunnah*. Terj. Zamri Ab Rahman, Mohd Ramizi Remli & Nawawi Daud. Kuala Lumpur: Penerbit Markas Angkatan Tentera Malaysia.
- al-Daghmi, Muhammad Rakan. 1985. *al-Tajassus wa Ahkamuhu fi al-Shari‘ah al-Islamiyyah*. al-Qahirah. Dar: al-Salam.
- Darwish, Shawkat ‘Ali & Baydis, Husni Hala. 2014. Ahammiyyat al-makan fi ghazwat al-Rasul Salla Allah ‘alayh wasallam wa dawruhu fi sina‘at al-hadath. *Dirasat al-‘Ulum al-Insaniyyah wa al-Ijtima‘iyyah* 41(3): 729-747.
- al-Dhahabi, Shams al-Din Muhammad ibn Ahmad ibn ‘Uthman. 1982. *Siyar A‘lam al-Nubala’*. Tahqiq. al-‘Aranut, Su‘ayb. Jil. 2. Bayrut: Mu‘assasat al-Risalah.
- Doctrine Operations*. 2005. Kuala Lumpur: Headquarters Malaysian Army Training Command.
- DOD Dictionary of Military and Associated Terms*. 2018. <https://www.jcs.mil/Portals/36/Documents/Doctrine/pubs/dictionary.pdf>
- Faraj, Muhammad. 1979. *al-Madrasah al-‘Askariyyah al-Islamiyyah*. al-Qahirah: Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- Gabriel, R.A. 2007. *Muhammad Islam’s First Great General*. Oklahoma: University of Oklahoma Press.
- Ghazali, Muhammad. 1965. *Fiqh al-Sirah*. t.tp.: Dar al-Kutub al-Hadithah.
- al-Halbi, ‘Ali Burhan al-Din. 1932. *Insan al-‘Uyun fi Sirat al-Amin al-Ma‘mun al-Ma‘rufah bi al-Sirah al-Halbiyyah*. al-Qahirah: al-Matba‘ah al-Azhariyyah.
- Hamid Allah, Muhammad. 1987. *Majmu‘at al-Watha‘iq al-Siyasah li al-‘Ahd al-Nabawi wa al-Khilafah al-Rashidah*. Bayrut: Dar al-Nafa‘is.
- Hajdin, Berisha & Yusof, Ismail. 2018. Management functions displayed by Prophet Muhammad in two major events. *International Journal of Economics, Management and Accounting* 26(2): 291-310.
- Ibn Hisham, ‘Abd al-Malik ibn Hisham ibn Ayyub al-Humayri al-Ma‘afiri. 1990. *al-Sirah al-Nabawiyah*. Jil. 2. Bayrut: Dar al-Kitab al-‘Arabi.
- Ibn Ishaq, Muhammad ibn Ishaq ibn Yasar al-Matlabi. 2004. *al-Sirah al-Nabawiyah li Ibn Ishaq*. Tahqiq. al-Mazidi, Ahmad Farid. Jil. 2. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida’ al-Hafiz. 1976. *al-Sirah al-Nabawiyah*. Tahqiq. Mustafa, ‘Abd al-Wahid. Jil. 2. Bayrut: Dar al-Ma‘rifah.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida’ al-Hafiz. 2015. *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Tahqiq. ‘Abid, Muhammad Hasan & Murad, ‘Abd al-Hamid. Jil. 4. Bayrut: Dar Ibn Kathir.
- Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad Mukarram. 2010. *Lisan al-‘Arab*. Jil. 3 & 12. Bayrut: Dar Sadir.
- Khattab, Mahmud Shit. 1960. *al-Rasul al-Qa‘id*. Baghdad: Dar Maktabat al-Hayah wa Maktabat al-Nahdah.

- Khattab, Mahmud Shit. 1965. *Qadat Fath Bilad Faris (Iran)*. Bayrut: Dar al-Fath.
- Khattab, Mahmud Shit. 1975. *Durus fi al-Kitman min al-Rasul al-Qa'id*. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.
- Mahfuz, Muhammad Jamal al-Din 'Ali. 1981. *al-Nazariyyah al-Islamiyyah fi al-Istila' wa al-Amn wa Muqawamat al-Jasusiyyah*. al-Qahirah: Dar al-I'tisam.
- Mahfuz, Muhammad Jamal al-Din 'Ali. t.th. *al-Nazariyyah al-Islamiyyah fi al-'Ilm al-'Askari wa al-Qiyadah al-'Ilmiyyah*. al-Qahirah: Dar al-I'tisam.
- Mahfuz, Muhammad Jamal al-Din 'Ali. 1994. *al-'Askariyyah fi al-Islam*. al-Qahirah. Dar: al-Ma'arif.
- al-Mubarakfuri, Safi al-Rahman. 1976. *al-Rahiq al-Makhtum*. al-Hind: Dar Ihya' al-Turath.
- al-Muhammad, 'Abd Allah 'Ali al-Salamah. 1986. *al-Istikhbarat al-'askariyyah fi al-Islam*. Tesis Sarjana. Fakulti Syariah, Universiti Jordan.
- Muhammad, 'Abd Allah. 2011. *Harb al-'Uqul Ab'ad wa Khafaya 'Alam al-Mukhabarah wa al-Tajassus*. t.tp.: t.pt.
- al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*. 1998. Tunis: Larus.
- Numan, Thair. 2012. The military intelligence and impact on the Prophet's invasions. *Journal of Research Diyala Humanity* (55): 47-68.
- al-Qahtani, Munira. 2015. Intelligence services in the era of the Prophet Peace Be Upon Him its beginning and its impact on Muslims victories. *Journal of Arabic and Human Sciences* 8(3): 1427-1490.
- Rahman, al-Fazlur. 1990. *Muhammad Panglima Tentera*. Terj. Syed Putra Syed Ahmad. Shah Alam: Penerbitan Hizbi.
- al-Sallabi, 'Ali Muhammad. 2007. *Ghazwat al-Rasul Durus wa 'Ibar wa Fawa'id*. al-Qahirah: Mu'assasat Iqra'.
- al-Tabari, Muhammad ibn Jarir. 1969. *Tarikh al-Rusul wa al-Muluk*. Tahqiq. Ibrahim, Muhammad Abu al-Fadl. Jil. 2 & 3. al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
- al-Tirmidhi, Abu 'Isa Muhammad ibn 'Isa. 1996. *al-Jami' al-Kabir*. Tahqiq. Ma'ruf, Basshar 'Awwad. Jil. 2. Bayrut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Suwaed, Muhammad Youssef & Kahan, Ephraim. 2017. Intelligence in the first Muslim state: 610-632 AD. *International Journal of Intelligence and Counter Interligence* 31(1): 169-184.
- Sun Tzu. 2011. *The Art of War*. Terj. Giles, L. M.A: Allandale Online Publishing.
- al-Waqidi, Muhammad ibn 'Umar. 1966. *al-Maghazi*. Tahqiq. Jones, M. Jil.1. London: Oxford University Press.